

18/08/1999

Peranan wanita semakin mencabar

Nor Affizar Ibrahim

MENINGKATKAN kesedaran masyarakat mengenai peranan penting wanita dalam pembentukan dan pembangunan institusi keluarga, 'Wanita Asas Keluarga Bahagia', dipilih sebagai tema Hari Wanita 1999.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail, berkata tema itu dipilih selaras hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memberikan penekanan kepada institusi keluarga dalam dokumen Wawasan 2020.

"Tema Hari Wanita tahun ini diilhamkan Perdana Menteri sendiri. Malah, dalam kenyataan dasar ketika membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan rakyat beberapa tahun lalu, beliau turut menyentuh kepentingan memperkukuhkan institusi keluarga bagi melahirkan warganegara bertanggungjawab," kata Zaleha pada sidang akhbar sempena Hari Wanita 1999, baru-baru ini.

Katanya, sejak negara mencapai kemerdekaan, semakin ramai wanita memasuki pasaran buruh, bekerja seiring lelaki dan banyak memberikan sumbangan kepada negara.

Sehubungan itu, peranan dan tanggungjawab wanita semakin meningkat dan mencabar.

"Tema tahun ini harus dilihat dalam konteks menyeluruh. Peranan wanita dalam pembangunan negara dan kesejahteraan sekeluarga sememangnya amat penting dan digariskan dalam Pelan Tindakan Pembangunan Wanita, Bab IV, Wanita dan Keluarga," jelasnya.

Beliau berkata, dalam pelan itu ada menyebut, keluarga adalah unit asas masyarakat yang berperanan penting dalam membentuk masyarakat hari ini dan esok.

Peranan wanita sama ada bekerja di luar rumah atau suri rumah sepenuh masa penting dalam membentuk keluarga sejahtera.

"Wanita bukan saja bertanggungjawab memelihara dan mengasuh anak serta menguruskan rumah tangga tetapi juga penting dalam memberikan penjagaan kepada warga tua seperti ibu bapa yang uzur serta anggota masyarakat kurang upaya," tegasnya.

Beliau berkata, kini institusi keluarga menghadapi banyak cabaran yang boleh menjejaskan keutuhannya.

Ibu bapa memerlukan kemahiran dalam mendidik anak dan kedua-dua pihak juga perlu berkongsi tanggungjawab untuk mewujudkan keluarga bahagia dan harmoni.

Menurut Zaleha, menyedari hakikat intitusi keluarga adalah tulang belakang pembangunan negara, kerajaan prihatin terhadap isu yang mempengaruhi struktur sosial dan kekeluargaan yang kini dibelenggu kepesatan kemajuan negara.

Katanya, pelbagai kursus kekeluargaan dirancang dan dilaksanakan pelbagai pihak.

Antara objektifnya untuk meningkatkan mutu warga Malaysia menerusi pengukuhan institusi keluarga dan memastikan anggotanya mampu menyahut cabaran perubahan sosial dan ekonomi menjelang alaf baru.

"Kemajuan Malaysia dalam sektor industri, globalisasi dan multimedia pada dekad ini dilihat sebagai hubungan antara era industri Malaysia dan informasi kini.

"Ia tentu akan mengubah cara hidup masyarakat dan inilah antara cabaran yang perlu dihadapi keluarga Malaysia," jelasnya.

Zaleha berkata, masyarakat perlu yakin dan bersikap optimis bagi

mbolehkan mereka menyesuaikan diri dengan perubahan yang melanda serta seiring dengan proses pembangunan.

Beliau turut menekankan, wanita adalah paksi masyarakat kerana wanita yang bergelar ibu bertanggungjawab mewarnakan generasi pewaris negara.

Bagaimanapun, katanya ibu bapa sama-sama bertanggungjawab mendidik dan mempengaruhi sikap dan gaya hidup anak.

"Janganlah semua bebanan mendidik dan memastikan kesejahteraan keluarga diletakkan pada bahu wanita saja. Sebaliknya, segala usaha hendaklah dilakukan bersama.

"Saya percaya, jika semua pihak bekerjasama, masyarakat negara ini dapat mengamalkan gaya hidup sihat dan mempunyai kekuatan mental, fizikal dan semangat bagi melahirkan institusi keluarga kukuh," katanya.

Mengenai sambutan Hari Wanita 1999 pula, Zaleha berkata, biasanya tanggal 25 Ogos setiap tahun bermula pada 1992 Jabatan Hal Ehwal Wanita (Hawa), Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyelaras dan menganjurkan Hari Wanita.

Katanya, tujuan sambutan ini untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai peranan penting wanita dalam pembentukan keluarga, perpaduan dan pembangunan masyarakat dan negara.

"Selain itu, Hari Wanita juga bertujuan memberi pengiktirafan kepada wanita di semua peringkat terhadap sumbangan mereka kepada pembangunan negara dan juga memberi rangsangan kepada golongan itu supaya terus bergiat lebih cergas ke arah pembangunan keluarga, masyarakat dan negara," katanya.

Beliau turut memberitahu pada tahun ini, Hari Wanita diraikan sehari lebih awal dan diadakan di Dewan Konvensyen, Jalan Teluk Sisek, Kuantan.

Katanya, anjakan tarikh itu berikutan pada hari berkenaan, Perdana Menteri yang dijangka merasmikan hari itu mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet.

Lebih 1,500 jemputan dijangka menghadiri sambutan Hari Wanita itu.

Selain sambutan peringkat kebangsaan, ia juga disambut di peringkat negeri dengan pelbagai acara menarik diatur oleh badan dan pertubuhan yang ada di negara ini.

(END)